



18 JUL, 2020

Saringan Covid-19 Pasar Segar Green Road bermula

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Saringan Covid-19 Pasar Segar Green Road bermula

.....
NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Semalam bermulanya saringan Covid-19 di kawasan Pasar Segar Green Road.

Penjejakan kontak secara rawak ini berikutan terdapat kes kematian yang melibatkan warga emas baru-baru ini di Daerah Kuching dan lokasi ini telah dilawati oleh pesakit tersebut.

Selain Pasar Segar Green Road, telah dilakukan sebanyak 217 penyaringan awal di kawasan Pasar Komuniti Stutong.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua orang yang mempunyai gejala dan sebanyak 56 sampel telah diambil.

Manakala, kawasan

berikutnya adalah pasar-pasar utama yang akan dilakukan dalam tempoh dua minggu akan datang.

Sebelum disahkan positif Covid-19, warga emas berusia 72 tahun itu telah beberapa kali mendapatkan rawatan tradisional, dan beliau dibawa ke sebuah hospital swasta pada 9 Julai yang kemudian merujuknya ke Hospital Umum Sarawak setelah disyaki positif Covid-19, sebelum disahkan meninggal dunia pada 10 Julai.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) dalam satu kenyataan berkata, kematian ke-18 itu merupakan kes ke-576 iaitu seorang lelaki warga tempatan yang berumur 72 tahun dari

Kuching.

Beliau juga merupakan pesakit kencing manis dan mengalami masalah darah tinggi. Ujian makmal RT-PCR COVID-19 mendapati beliau adalah positif pada 10 Julai 2020.

"Keadaan beliau bertambah teruk dan telah disahkan meninggal dunia pada hari yang sama. Punca kematian adalah *Multi-organ failure due to pneumonia and Covid-19*," kata kenyataan itu.

Mengulas lanjut JPBNS berkata, bagi kes- 576 itu merupakan kes Severe Acute Respiratory Infection (SAR) yang berkemungkinan mendapat jangkitan tempatan kerana tiada sejarah perjalanan ke luar negara.



18 JUL, 2020

Saringan Covid-19 Pasar Segar Green Road bermula

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Semalam bermulanya saringan Covid- 19 di kawasan Pasar Segar Green Road. P e n j e j a k a n k o n t a k secara rawak ini berikutan terdapat kes kema t i a n yang melibatkan warga emas baru-baru ini di Daerah Kuching dan lokasi ini telah dilawati oleh pesakit tersebut.